KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	07.02.22	MUKA SURAT	:	19
JABATAN	:	JPNS			

DAKWAAN JUAL TANAH HSK

JPNS sangkal!

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menafikan dakwaan berlaku penjualan tanah hutan simpanan kekal (HSK) di negeri ini secara dalam talian.

Pengarah JPNS, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid berkata, hal itu berlaku susulan daripada kenyataan media dikeluarkan beberapa badan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar yang kemudian tular, baru-baru.

Beliau berkata, kenyataan media itu berdasarkan kajian tinjauan dijalankan badan bebas dikenali sebagai Rimba Disclosure Project (RDP).

"Kajian sudah mengenal pasti seluas 43,539 hektar tanah dalam HSK di sekitar Perak, Selangor, Pahang, Terengganu dan Kelantan cuba dijual secara komersial melalui beberapa laman web termasuk Facebook pada 2021.

"Daripada keluasan itu, seluas 264 hektar tanah membabitkan Selangor. Bagaimanapun, semakan JPNS mendapati lokasi dimaksudkan untuk penjualan itu bukan berstatus HSK yang diwartakan di bawah Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Ahmad Fadzil berkata, terdapat dua lokasi di negeri ini yang didakwa diiklankan melalui laman web untuk dijual iaitu di Pulau Indah (Pulau Lumut) seluas 192 hektar dan Puncak Alam seluas 72 hektar.

Beliau berkata, keluasan kawasan HSK di Selangor berjaya ditingkatkan kepada 250,250.29 hektar pada 2021.

"Kejayaan ini adalah hasil komitmen tinggi dan berterusan Kerajaan Selangor melalui beberapa inisiatif yang dilaksanakan sejak 2010. Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak terpedaya dengan sebarang bentuk tawaran iklan penjualan tanah membabitkan kawasan HSK," katanya.